

NO SOALAN :66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
(KOTA BHARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.03.2018

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan menyediakan kemudahan tempat parkir yang mencukupi dan selamat kepada kakitangan Kerajaan yang bertugas di UTC Bandar Kota Bharu.

JAWAPAN

Untuk makluman YB, Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS) bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar di bawah satu bumbung.

UTC Kelantan telah dirasmikan pada 12 Mac 2016 dan telah mencatatkan sejumlah 652,976 orang pelanggan di sepanjang tahun 2017 sahaja. Dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, tidak dinafikan kebajikan petugas di UTC merupakan salah satu aspek yang dipandang penting oleh Kementerian Kewangan. Kemudahan tempat letak kenderaan disediakan oleh UTC Kelantan adalah terhad, namun pihak Pengurusan UTC Kelantan telah berkerjasama dengan pasaraya swasta bersebelahan UTC untuk menyediakan lot kosong milik pasaraya sebagai tempat letak kenderaan bagi petugas dan pelanggan UTC.

Disamping itu, MOF dan pihak Pengurusan UTC seluruh Malaysia dalam mesyuarat yang diadakan setiap 3 bulan sekali sentiasa membincangkan isu-isu keselamatan di UTC. MOF juga telah berkerjasama dengan PDRM untuk menempatkan anggota di setiap UTC seluruh Malaysia termasuklah di UTC Kelantan bagi memastikan kawasan persekitaran UTC sentiasa aman dan selamat.